

**Parlimen: Penyediaan Pemeriksaan Bajet Tahunan Lebih Ketat Antara Langkah Kerajaan Kurang Kadar Perbelanjaan**  
**Bernama**  
**24 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Penyediaan pemeriksaan bajet tahunan yang lebih ketat dengan mengkaji semula peruntukan sedia ada, merupakan antara langkah Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan kadar perbelanjaan negara.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai berkata kerajaan juga mengenal pasti penjimatan dalaman kementerian, jabatan dan agensi, dengan mengambil kira keupayaan kementerian untuk melaksanakan program atau aktiviti, serta memastikan tidak berlaku pertindihan dalam melaksanakan projek atau program kerajaan.

"Kerajaan memperkenalkan pengurusan nilai dalam Rancangan Malaysia ke-10 sebagai alat pengurusan dalam pelaksanaan program dan projek kerajaan yang melebihi RM50 juta bagi mendapat pulangan yang maksimum," katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Permatang Pauh) di Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Anwar ingin tahu mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi mengimbangi pendapatan hasil negara.

Lim berkata melalui pelaksanaan pengurusan nilai, kerajaan berupaya mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen serta kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem, dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696831>